

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Tabung Rakyat terima derma dari PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah antara ratusan rakyat dari semua lapisan masyarakat yang menghulur derma kepada Tabung Rakyat Atas Nama Kemanusiaan anjuran Kumpulan New Straits Times hari ini.

Perdana Menteri menghulurkan dermanya melalui sekeping cek bernilai \$500.

Pungutan hari ini ialah \$9,068.90 dan menjadikan jumlah yang terkumpul sejak dilan-

carkan empat hari lalu sebanyak \$17,000.

Antara penderma yang terbesar ialah Raja Datin Hajah Rajmah binti Raja Chik (\$1,000) dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) \$1,000.

Manakala Naib Presiden UMNO, Datuk Harun Haji Idris pula \$200, Persatuan Pekerja-pekerja Muzium Negara (\$600), Encik Low Yam Toh (\$20) dan Pengarah Urusan, Talasco Insurans, Encik Abdullah Ismail (\$200).

Senarai penderma muka 20.